

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA  
(BAKRI)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kutipan GST terkini mengikut bulan, bidang perniagaan dan berapakah syarikat yang telah dikenakan kompaun, diberikan amaran, dan dilepaskan serta jumlah syarikat yang telah mengemukakan tuntutan bayaran balik cukai input GST, telah dibayar dan belum dibayar.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 1 Januari 2016 sehingga 31 Mac 2016, jumlah kutipan bersih GST adalah sebanyak RM10.161 bilion. Kutipan ini secara asasnya disumbangkan oleh 5 sektor utama seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Sektor</b>	<b>RM (billion)</b>
1.	Peruncitan dan pemborongan	2.507
2.	Pembuatan	1.316
3.	Pembinaan	1.405

4.	Kewangan dan insuran/ takaful	0.702
5.	Professional, saintifik dan teknikal	0.693

Berhubung dengan kompaun, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengeluarkan sebanyak 1,708 kompaun yang melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 9, 33, 41 dan 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Kompaun yang dikeluarkan tersebut adalah sehingga 6 Mei 2016 dan sebanyak 553 kes telah pun selesai, manakala 903 kes sedang dalam tindakan dan 252 kes telah ditutup kerana tidak memerlukan apa-apa tindakan lanjut.

JKDM telah menerima 360,267 permohonan tuntutan bayaran kredit cukai input dengan amaun keseluruhan sebanyak RM22.9 bilion bagi tempoh 1 April 2015 sehingga 31 Mac 2016. Daripada jumlah tersebut, JKDM telah meluluskan 311,281 (86.4%) permohonan yang mana jumlah amaun tuntutan sebanyak RM18.4 bilion telah dibayar bagi tempoh tersebut. Manakala baki sebanyak 48,986 (13.6%) permohonan yang berjumlah RM4.56 bilion masih dalam proses pulang balik oleh pihak JKDM.